

Sosialisasi Pendidikan Gender dalam Keluarga Menurut Perspektif Islam

[Socialization of Gender Education in Family According to Islamic Perspective]

Nur Azwani binti Mansor @ Noordin¹

1. Department of Islamic Studies, Faculty of Contemporary Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: azwani79@yahoo.com

ABSTRACT

This article discusses the process of socialization of gender education in the family according to Islamic concepts and values. The role of the family is emphasis in order to have better understanding on gender education and children's perceptions on gender differences between men and women. This study employs a qualitative methodology and examines primary materials, including the Quran, the hadiths, and pertinent Islamic literature. A thorough examination of the family's duties and responsibilities in teaching children within the framework of gender is carried out. From an Islamic standpoint, the family is the primary socialization agent. The primary agents that aid in the socialization process are family members, including parents, siblings, brothers, and closest relatives. This method is used in childhood to shape thoughts and behaviour as well as to teach children ways to act in particular scenarios or in adulthood. Children cannot adapt or behave in a way that aligns with Islamic law if they do not receive an adequate and effective gender socialisation experience. The greatest methods and techniques for providing children with a fair and balanced gender education are discussed in this article and can be adopted by parents and families. According to the analysis, gender education should be prioritized by families from an early age in order to help the children develop a good view of gender and prepare them for adulthood in the traditional gender roles. This paper concludes by offering a holistic and integrated viewpoint on gender education socialization inside the home from an Islamic standpoint. It offers helpful advice and guidelines that families and communities can apply to create a gender-neutral society founded on Islamic religious teachings. In conclusion, this article provides a holistic and integrated view of the socialization of gender education in the family according to an Islamic perspective. It provides practical guidance and principles that can be used by families and communities to build a gender-harmonious society based on Islamic religious teachings.

Keywords: Socialization; Gender Education; Family, Islamic Perspective; Children

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan proses sosialisasi pendidikan gender dalam keluarga menurut konsep dan nilai-nilai Islam. Penekanan diberikan kepada peranan keluarga dalam membentuk pemahaman mengenai pendidikan gender dan persepsi anak-anak mengenai perbezaan gender antara lelaki dan perempuan. Melalui pendekatan kualitatif, kajian ini melibatkan analisis terhadap sumber-sumber primer seperti al-Quran, hadis, dan literatur Islam yang relevan. Pemahaman mengenai peranan dan tanggungjawab keluarga mendidik anak-anak dalam konteks gender dikaji dengan teliti. Dalam perspektif Islam, keluarga memainkan peranan penting sebagai agen sosialisasi utama. Ahli keluarga seperti ibu bapa, kakak, abang dan ahli keluarga terdekat merupakan agen utama yang membantu proses sosialisasi. Proses ini diterapkan pada zaman kanak-kanak yang akan mempengaruhi perilaku dan pemikiran serta belajar bagaimana seharusnya bertingkah laku dalam situasi atau keadaan tertentu apabila dewasa kelak. Sekiranya kanak-kanak tidak mengalami proses sosialisasi gender dengan berkesan dan mencukupi, maka mereka tidak akan dapat menyesuaikan diri dan bertingkah laku mengikut nilai-nilai syariat Islam. Artikel ini menggariskan strategi dan amalan terbaik yang boleh dilaksanakan oleh ibu bapa dan keluarga untuk menyampaikan pendidikan gender yang seimbang dan adil kepada anak-anak. Hasil analisis menunjukkan bahawa keluarga perlu menekankan pendidikan gender sejak dari awal kanak-kanak dalam membentuk pemahaman yang positif mengenai gender dan memastikan anak-anak dapat menjalankan peranan tradisional mereka berdasarkan gender apabila dewasa kelak. Kesimpulannya, artikel ini memberikan pandangan yang holistik dan bersepadu mengenai sosialisasi pendidikan gender dalam keluarga menurut perspektif Islam. Ia menyediakan panduan praktikal dan prinsip-prinsip yang dapat digunakan oleh keluarga dan masyarakat untuk membangun masyarakat harmoni dari segi gender berdasarkan ajaran agama Islam.

Kata kunci: Sosialisasi; Pendidikan Gender; Keluarga; Perspektif Islam; Anak-Anak

How to Cite:

Received : 07-08-2023 Nur Azwani binti Mansor @ Noordin. (2023). Sosialisasi
Accepted : 27-09-2023 Pendidikan Gender dalam Keluarga Menurut Perspektif
Published : 28-11-2023 Islam. RABBANICA Journal of Revealed Knowledge, 4(2),
 73-90

1. Pendahuluan

Keluarga berperanan penting sebagai institusi pertama dalam proses sosialisasi anak-anak. Salah satu proses sosialisasi anak-anak adalah pendidikan gender yang perlu diberi perhatian ketika usia anak-anak masih kecil. Seseorang individu yang membesar dengan baik bermakna dia

memperolehi pendidikan yang komprehensif di sekelilingnya. Membesar dengan baik disini membawa maksud sihat dari sudut fizikal, mental, emosi, intelektual, spiritual dan sosial. Pendidikan tidak hanya berlaku di rumah, malah di luar rumah, di institusi pendidikan formal dan tidak formal dalam masyarakat. Menurut Misran Rahman (2015) keluarga bertanggungjawab dalam sosialisasi awal pendidikan gender kerana keluarga merupakan sebuah masyarakat kecil yang berperanan dalam mengulangi budaya, sikap, tingkahlaku, pembahagian tugas, penguasaan, ideologi, hak dan posisi kejantinaan yang dihasilkan oleh masyarakat.

Ahli keluarga seperti ibu bapa, kakak, abang dan ahli keluarga terdekat merupakan agen utama yang membantu proses sosialisasi. Proses ini diterapkan pada zaman kanak-kanak yang akan mempengaruhi perilaku dan pemikiran serta belajar bagaimana seharusnya bertingkah laku dalam situasi atau keadaan tertentu apabila dewasa kelak. Sekiranya kanak-kanak tidak mengalami proses sosialisasi dengan berkesan dan mencukupi, maka mereka tidak akan dapat menyesuaikan diri dan bertingkah laku mengikut norma dan nilai-nilai sosial dalam masyarakat. Justeru, peranan, sikap dan tindakan ibu bapa dan keluarga sangat berkait rapat dalam pembentukan gender kerana memberi impak yang besar dalam kehidupan anak-anak yang sedang membesar dan masa hadapan mereka.

Isu ini diburukkan lagi dengan kedatangan golongan LGBT di Malaysia sekitar 1980an. Walaupun jelas mendapat tentangan dan kecaman daripada masyarakat Islam, komuniti songsang tanpa segan silu mempamerkan kehidupan yang melanggar fitrah tanpa menghiraukan tuntutan agama dan perundangan negara (Mohamad Afandi Md Ismail et al., 2020). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2018) melaporkan bahawa jumlah komuniti Lesbian, Gay, Biseksual dan Transeksual (LGBT) meningkat lebih dari dua kali ganda dalam masa lima tahun terakhir. Menurut Timbalan Pengarah Keluarga, Sosial dan Pembangunan Komuniti JAKIM Dr. Mohd Izwan Md Yusof, komuniti LGBT di Malaysia mencapai 310.000 orang iaitu meningkat hampir dua kali ganda sejak 2013 lalu yang hanya 173.000 orang dan hal ini amat membimbangkan terutama kepada masyarakat Islam (Dermawan, 2018).

Banyak faktor yang menyebabkan isu kecelaruan gender semakin menjadi-jadi antaranya ialah, konflik kekeliruan identiti diri dan kecenderungan orientasi seksual berbanding jantina biologi, kepincangan sistem sokongan keluarga, lingkungan pengaruh pergaulan rakan sebaya sejenis, disorientasi pengalaman hidup, kesejahteraan kesihatan mental serta fizikal, kurang penghayatan agama serta pemesongan pegangan hidup (Irma Wani Othman et al. 2021). Justeru, peranan, sikap dan tindakan ibu bapa dan keluarga sangat berkait rapat dalam pembentukan gender kerana memberi impak yang besar dalam kehidupan anak-anak

yang sedang membesar dan masa hadapan mereka. Adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa mendidik dan membesarkan anak-anak dengan berpegang teguh kepada ajaran Islam dalam membina keluarga bahagia sekaligus memelihara kelestarian keturunan.

Kebanyakan para ilmuwan Islam tidak membincangkan tentang pendidikan pembentukan gender secara khusus tetapi lebih mengfokuskan kepada pendidikan Nabawi, pendidikan seks dan penekanan terhadap adab tertentu seperti adab berpakaian, penampilan dan pergaulan. Namun demikian, berdasarkan penelitian daripada karya para ilmuwan dapat dirumuskan bahawa kaedah-kaedah pendidikan yang dinyatakan sudah merangkumi pendidikan gender secara tidak langsung.

2. Skop Dan Metodologi Kajian

Artikel ini membahas dan menganalisis konsep-konsep dalam pendidikan gender menurut perspektif Islam dan implikasi sosialisasi dalam keluarga. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan analisis kandungan bagi memahami kandungan teks dengan mendalam dan mengenal pasti pola atau tema yang muncul daripadanya. Ia juga memberikan pendekatan sistematis dalam menganalisis data yang tidak berstruktur dan dapat menghasilkan dapatan yang terperinci dan bermakna. Di samping itu, artikel ini dapat memberikan panduan yang komprehensif mengenai peranan keluarga dalam memastikan pembentukan gender anak-anak selari dengan fitrah agama.

Antara buku yang diteliti dan dianalisis ialah Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam karya Abdullah Nasih Ulwan (1985), *Islamic Parenting: Pendidikan Anak Metode Nabi* karya Syaikh Jamal Abdurrahman (2010), *Tarbiah al-Jinsiyah* karya Adnan Bahares (2010), *al-Tarbiyah al-Jinsiyah lil Atfal wal Murahiqin* karya Ahmad Abdul Karim Hamzah dan Muhammad Ahmad Khatab (2010), Kitab Fiqh: Mendidik Anak Berdasarkan al-Quran dan Sunnah karya Syeikh Khalid Abdul Rahman al-'Ik (2014) dan *Prophetic Parenting: Cara Nabi Mendidik Anak* karya Muhammad Nur Abdul Hafiz Suwaid (2015).

3. Dapatan Kajian

3.1 Definisi Konsep Gender

Istilah gender berasal daripada bahasa Latin ‘*gener*’ yang bermaksud *race* atau *kind*. Bahasa Perancis mengambil perkataan ini dari bahasa Latin dan menggunakan perkataan ‘*gendre genre*’ yang membawa maksud *kind* (jenis), *genus* (pengelompokan makhluk hidup atau spesis berdasarkan ciri yang sama) dan *style* (gaya) (Castelli & Rodman, 2001). Istilah ini diperkenalkan oleh Robert Stoller pada tahun 1968 dan kemudian dikembangkan oleh Ann Oakley pada tahun 1972 (Riant, 2005). Kemudian istilah gender ini digunakan dalam bahasa Inggeris terutama dalam bidang psikoanalisis yang membawa maksud jenis kelamin atau jantina (Skeat, 1993). Pada tahun 2005, perkataan gender dibawa masuk dalam daftar leksikon oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Secara literalnya gender dalam Bahasa Melayu membawa maksud jantina untuk menunjukkan klasifikasi seksual (Kamus Dewan Bahasa & Pustaka, 2005).

Dalam Manual Mengenai Baget Gender di Malaysia (2006), gender merujuk kepada perbezaan peranan dan tanggungjawab antara lelaki dan perempuan dari sudut sosial yang disampaikan oleh masyarakat daripada kumpulan sosial yang berlainan. Dengan erti kata lain gender ialah sikap, peranan, tingkah laku, tanggungjawab, fungsi, hak dan sifat yang ada pada lelaki dan perempuan yang dibentuk oleh budaya dan pandangan masyarakat (Siti Musda, 2003 & Sri Muliati, 2005). Oleh yang demikian, definisi gender adalah berdasarkan beberapa aspek dan ciri perbezaan yang terdapat pada lelaki dan perempuan iaitu tingkah laku, nilai, emosi, mental, peranan dan perilaku berdasarkan konsep budaya. Gender adalah harapan budaya dan penentuan masyarakat terhadap lelaki dan perempuan. Ia menjadi suatu dasar dalam menentukan perbezaan sumbangan lelaki dan perempuan dalam kehidupan bermasyarakat (Nasaruddin, 2001).

Jamal (2017) memberi takrifan dan pengertian sosialisasi berdasarkan beberapa ahli sosiologi seperti Edward Shils, Berger, Horton dan Hunt serta Nursal Luth. Menurut ahli sosiologi tersebut, sosialisasi ialah proses sosial seseorang individu belajar dan menghayati norma dan kebudayaan dalam kelompok masyarakat supaya dapat diterima kelompok. Proses tersebut merupakan proses interaksi sosial dan pembelajaran yang berlaku kepada setiap individu. Proses yang dilalui ini menyebabkan seseorang dapat mengenal cara berfikir, berperasaan dan bertingkah laku sehingga dapat memainkan peranannya dalam kehidupan masyarakat. Peranan tersebut dipelajari daripada anggota masyarakat lain dan mendapat informasi dari orang tua, saudara-mara, anggota keluarga, rakan-rakan dan guru di sekolah. Setiap individu mempelajari dengan cara dibimbing, berinteraksi dan meniru orang di sekeliling dan

persekitarannya. Dari proses itulah individu dibentuk untuk bertingkah laku sesuai dengan nilai dan norma kelompoknya dan belajar menjadi warga masyarakat di tempatnya.

Oleh hal yang demikian, sosialisasi gender adalah satu proses sosialisasi yang agak kompleks. Setiap individu berkembang, membangun dan belajar tentang gender melalui penyerapan norma, nilai dan peranan gender. Proses ini berlaku apabila individu mula berinteraksi dengan agen utama sosialisasi seperti keluarga, jaringan sosial dan institusi lain (John et al., 2017). Sosialisasi gender ialah satu terma baru yang menerangkan tentang pembelajaran berkaitan gender dengan menggabungkan kefahaman dua atau lebih berkaitan norma gender dan identiti gender. Dalam terma yang lebih ringkas, norma gender ialah set peraturan yang bersesuaian dengan tingkah laku maskulin dan feminin dalam sesuatu budaya (Ryle, 2011). Manakala identiti gender ialah cara individu berfikir sama ada mereka lelaki atau wanita (*American Psychological Association*, 2011)

Walaupun terdapat perbezaan dalam mendidik anak lelaki dan perempuan, ibu bapa tidak boleh membezakan anak-anak dalam aspek zahiriah dan seharusnya seimbang dalam menyayangi anak lelaki dan perempuan. Menerima kehadiran mereka dengan baik dan hati yang terbuka tanpa mengira jantina, riang gembira dan rasa cinta sangat memberi kesan kepada perkembangan anak-anak. Hal ini akan menyebabkan anak-anak akan merasa bahagia dan cinta kepada ibu bapa dengan sepenuh hati. Dengan demikian, dapat mencegah daripada sifat dengki dan kebencian antara anak-anak, malah melahirkan sifat kecintaan dan kerukunan antara saudara serta akan mendorong mereka supaya berbakti dan mendoakan kedua orang tua (Syaikh Jamal Abdurrahman, 2010 & Muhammad Nur Abdul Hafiz, 2015). Berdasarkan sabda Rasulullah SAW:

اتَّقُوا اللَّهَ • وَاعْدِلُوا فِي أَوْلَادِكُمْ

Ertinya: “*Bertakwalah kalian kepada Allah dan berlaku adillah kalian terhadap anak-anak kalian*”

HR Muslim, (3055).

Terdapat sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Anas r.a yang menceritakan tentang Rasullullah SAW menyuruh seorang lelaki berlaku adil terhadap anak lelaki dan anak perempuannya:

رَجُلٌ فَجَاءَ ابْنَ لَهُ فَقَبَّلَهُ وَأَجْلَسَهُ عَلَى فَخِذِهِ ثُمَّ جَاءَتْ بَنْتُ لَهُ فَأَجْلَسَهَا إِلَيْهِ قَالَ
فَهَلَا عَدْلُتَ بَيْنَهُمَا

Ertinya: “Seorang lelaki sedang bertemu Nabi SAW, kemudian anak lelakinya datang. Dia langsung mencium anak lelakinya itu dan mendudukkannya di atas pahanya. Tidak lama kemudian, anak perempuannya datang dan dia menyuruhnya untuk duduk dihadapannya. Melihat hal tersebut Nabi SAW bersabda, “Mengapa engkau tidak memperlakukan mereka secara adil?”

HR *al-Bazzār* (1893). Hadis dinilai sebagai sahih oleh *al-Albānī*.

Menjadi kewajipan bagi seorang ayah untuk berlaku adil kepada anak-anaknya dalam urusan zahiriah yang dapat dilihat dan diketahui oleh anak-anaknya, bahkan juga dalam hal kasih sayang yang bersifat batiniah. Walau bagaimanapun, jika berkaitan dengan perasaan atau hati ibu bapa yang mempunyai kecenderungan yang lebih besar kepada salah seorang daripada anaknya maka dalam hal ini ayah atau ibu tidak berdosa. Akan tetapi, kecenderungan tersebut tidak boleh diperlihatkan secara terang-terangan (Syaikh Jamal Abdurrahman, 2010 & Muhammad Nur Abdul Hafiz, 2015). Aisyah r.a menjelaskan bahawa kecenderungan hati yang tidak sama adalah tidak salah tetapi mestilah adil dalam hal zahiriah, baik yang berkaitan dengan anak-anak maupun isteri. Aisyah r.a berkata, Rasulullah SAW selalu membahagi dengan adil dan berkata:

اللَّهُمَّ هَذَا قَسْمٌ فِيمَا أَمْلَكُ فَلَا تَلْمِنْ فِيمَا تَمْلِكُ وَلَا أَمْلِكُ

Ertinya: “Ya Allah, inilah pembahagianku dengan sepenuh kemampuanku. Oleh kerana itu, janganlah engkau mencelaku terhadap apa yang engkau mampu, sedangkan aku tidak mampu.” Abu Daud mengatakan bahawa yang dimaksudkan adalah kemampuan hati.

HR *Abū Dāwūd* (2134), *al-Tirmidhī* (1140), *al-Nasā'ī* (3943) dan *Ibn Mājah* (1971). Hadis ini dinilai sebagai lemah oleh *Ibn 'Abd al-Hādī*.

Perbezaan anak lelaki dan perempuan merupakan fitrah yang dianugerahkan oleh Allah SWT dan dituntut agar ianya dipelihara. Ibu bapa perlu menanamkan jiwa kelelakian pada anak lelaki dan jiwa keperempuanan pada anak perempuan. Bentuk pendidikan yang

bersesuaian dengan fitrah anak-anak bermula sejak dari awal usia lagi dapat memotivasi sifat dan jiwa kelelakian dan keperempuanan. Ia dapat dibentuk melalui permainan, pergaulan, perhubungan dan pemakaian mengikut jantina yang bersesuaian. Ini akan akan mempengaruhi perkembangan jiwa anak-anak sekaligus membentuk keperibadian yang dikehendaki dewasa kelak.

4. Perbincangan

i. Pendidikan Gender Dalam Mengenali Jantina

Para ilmuwan bersepakat bahawa pendidikan dalam pembentukan jantina adalah bermula daripada keluarga terutama ibu bapa kerana, mereka adalah suri teladan kepada anak-anak. Ibu bapa merupakan pengaruh dominan dan memberi impak yang besar terhadap keperibadian anak-anak dengan membangunkan keperibadian Islami pada anak. Antara keperibadian Islami yang boleh ditanamkan dalam diri anak lelaki dan perempuan ialah mengajarkan al-Quran, ibadah asas dan akidah agar kuat pegangannya (Muhammad Nur, 2015).

Cara terbaik mendidik anak ialah dengan melihat contoh cara didikan Nabi Muhammad SAW dalam mendidik putera dan puteri dan juga cucu-cucu baginda. Sepertimana Hasan dan Husain iaitu cucu Rasulullah SAW. yang mempunyai keperibadian dan akhlak mulia. Kedua-duanya dididik dalam keluarga Rasulullah SAW. dalam asuhan kedua orang tua mereka iaitu Fatimah dan Ali. Hasan dan Husin membesar bersama di bawah asuhan datuk mereka iaitu Rasulullah SAW. dan banyak memperoleh ilmu tentang akidah, syariah, adab dan tingkah laku yang baik melalui *manhaj Nabawi* (Syaikh Khalid, 2014).

Pendidikan jantina anak secara khususnya bermula sejurus selepas kelahiran iaitu dengan menamakan anak dengan maksud nama yang terbaik dan menunaikan fitrah anak yang baru lahir iaitu berkhitan pada hari ketujuh. Nama yang baik ialah nama yang membawa maksud yang baik kepada penamanya dan bebas daripada unsur yang diharamkan oleh syarak serta bersesuaian dengan jantina. Begitu juga dengan memanggil nama anak dengan julukan yang baik supaya mereka yakin dengan diri sendiri. Antara contoh nama-nama yang baik bagi lelaki adalah seperti Abdullah (hamba Allah), Abdurrahman/Abdul Rahman (hamba Tuhan Yang Maha Mengasihani), Muhammad, Ahmad, nama para Nabi dan nama orang-orang soleh. Khitan pula dilakukan terhadap anak lelaki dan perempuan untuk mendapat banyak manfaat kesihatan dan dapat mengawal nafsu syahwat (Syaikh Jamal Abdurrahman 2010 &

Muhammad Nur Abdul Hafiz Suwaid, 2015). Sebagaimana Rasulullah SAW. telah bersabda tentang nama-nama yang baik:

إِنَّ أَحَبَّ أَسْمَائِكُمْ إِلَى اللَّهِ: عَبْدُ اللَّهِ وَعَبْدُ الرَّحْمَنِ

Ertinya: “Sesungguhnya nama-nama kamu yang paling disukai Allah ialah Abdullah dan Abdul Rahman.”

HR Muslim (2132) dan Abu Daud.

سَمُّوا بِاسْمِي وَلَا تَكُونُوا بِكُنْيَتِي

Ertinya: “Namakan (anak) kamu dengan namaku dan janganlah kamu menggelarnya dengan gelaranku.”

HR Bukhari dan Muslim

Menurut Syaikh Jamal Abdurrahman (2010), sebaik-baik nama selepas Abdullah dan Abdur Rahman ialah nama Abd yang bermaksud hamba yang disandarkan kepada 99 nama Allah. Nama-nama sebegini mempunyai kelebihan kerana menggabungkan sifat-sifat Allah dengan sifat manusia iaitu ‘ubudiyah (penghambaan). Nama Muhammad sempena nama Rasulullah SAW dan Ahmad pula adalah nama yang paling afdhal selepas nama-nama tersebut. Begitu juga dengan panggilan yang baik terhadap anak. Ibu bapa mempraktikkan etika memanggil anak-anak mengikut kesesuaian jantina agar dapat membentuk jati diri dan keyakinan diri. Rasulullah SAW. bersabda:

لَا يَقُولَنَّ أَحَدُكُمْ عَبْدِي وَأَمَّتِي كُلُّكُمْ عَبْدُ اللَّهِ وَكُلُّ نِسَاءٍ كُمْ إِمَاءُ اللَّهِ
وَلَكِنْ لِيَقُولُ غُلَامٌي وَجَارِيَتِي وَفَتَانِي وَفَتَانِي

Ertinya: “Janganlah sekali-kali seseorang di antara kalian mengatakan, ‘Hai budak lelaki. Hai budak perempuan, kerana kamu semua, baik lelaki mahupun perempuan, adalah hamba-hamba Allah. Akan tetapi, hendaklah ia mengatakan, ‘Hai pelayan lelakiku! Hai pelayan perempuanku! Hai pesuruh lelakiku! Hai pesuruh perempuanku!’”

HR Muslim (2249).

Apabila anak mencapai umur dua hingga tiga tahun, mereka sudah mula dapat merasakan perbezaan jantina kedua ibu bapanya. Ibu bapa dan ahli keluarga lain boleh memperkenalkan pendidikan seksual dalam mengenali perbezaan jantina sekiranya anak mengajukan soalan berkaitan. Ini kerana pemikiran anak pada tahap ini penuh dengan pelbagai persoalan. Maka ibu bapa boleh memberi maklumat dan penjelasan tentang jantina atau alat kelamin dengan bahasa yang betul tetapi tidak secara terperinci tentang fungsi alat kelamin untuk tujuan seksualiti. Sekiranya ibu bapa tidak memberi maklumat terhadap persoalan anak-anak, dibimbangi boleh mendorong mereka untuk mendapatkan maklumat tambahan dari pihak lain. Ini boleh mempengaruhi pemikiran dan jiwa anak serta perasaan ingin mencuba. Ibu bapa juga perlu mempertimbangkan usia dan kemampuan intelektual anak apabila menjawab persoalan dan memberi maklumat (Adnan Bahares, 2010 & Ahmad Abdul Karim & Muhammad Ahmad Khatab, 2010).

Selain itu, anak lelaki dan perempuan seharusnya dipisahkan tempat tidur mereka pada umur tujuh hingga sepuluh tahun. Anak lelaki atau perempuan yang diasingkan tempat tidur hendaklah dipastikan jumlah mereka lebih dari dua orang sekiranya terpaksa diletakkan sebilik bagi sesama jantina. Tindakan ini dapat mengurangkan godaan syaitan kerana apabila hanya berdua di dalam bilik, berkemungkinan nafsu tidak dapat dikawal walaupun berjantina sama. (Abdullah Nasih Ulwan, 1985; Syaikh Jamal Abdurrahman, 2010 & Adnan Bahares, 2010). Sepertimana sabda Rasulullah SAW:

مُرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعٍ سِنِينَ • وَاضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا • وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرٍ
وَفَرَّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ

Ertinya: “Perintahkan anak-anakmu melakukan solat ketika mereka telah berumur tujuh tahun, dan pukullah mereka, jika meninggalkan (solat) ketika mereka berumur sepuluh tahun dan pisahkanlah tempat-tempat tidur mereka.”

HR Abu Dawud (495). Hadis ini dinilai sebagai sahih oleh *Ibn al-Mulaqqin*.

Ibu bapa memakaikan pakaian anak secara kemas dan menutup aurat dengan sempurna ketika berada di luar rumah sejak dari usia *mumayiz* lagi. Di samping mendidik anak-anak menundukkan pandangan agar mereka mengetahui sesuatu yang boleh dipandang dan tidak, supaya

mudah dipraktikkan oleh anak-anak apabila mencapai umur baligh (Abdullah Nasih Ulwan, 1985 & Muhammad Nur Abdul Hafiz, 2015). Sabda Rasulullah SAW:

سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ نَظَرَةِ الْفُجَاءَةِ فَقَالَ: اصْرِفْ بَصَرَكَ

Ertinya: “Aku bertanya kepada Rasulullah SAW tentang pandangan yang tanpa disengaja, maka beliau bersabda: “Palingkanlah pandanganmu”

HR Muslim (5695)

Anak-anak juga dididik tidak berseronok dengan alat kelamin sendiri kerana hukumnya haram dan boleh menyebabkan kecenderungan penyelewengan jantina. Biasanya ia berlaku kepada kanak-kanak lelaki yang berumur antara tujuh hingga sembilan tahun iaitu sebelum akil baligh. Antara punca kanak-kanak mudah tertarik dan seronok dengan alat kelamin sendiri ialah kerap dibiarkan bertelanjang (Adnan Bahares, 2010).

Ibu bapa juga perlu memerhatikan keadaan anak di dalam dan di luar rumah dengan sentiasa memberi perhatian, mengikuti dan mengawasi pembentukan akidah, akhlak, sosial dan juga perkembangan fizikal dan intelektual. Anak-anak akan sentiasa terawasi dalam setiap kegiatan mereka setiap hari di mana sahaja mereka berada. Begitu juga dengan bahan bacaan dan tontonan, ibu bapa dan ahli keluarga seharusnya mengawasi anak agar tidak membaca dan menonton bahan-bahan terlarang bagi mengelakkan anak terpengaruh dan terjerumus ke arah penyelewengan jantina.

Selain itu, ibu bapa boleh memilih atau mencari teman yang baik buat anak-anak kerana fitrah anak kecil yang suka bermain dan bergaul dengan teman sebaya. Oleh itu, sebaiknya ibu bapa membantu anak-anak memilih teman atau kawan yang soleh, taat dengan perintah Allah dan sentiasa mengajak ke arah kebaikan serta tidak cenderung ke arah penyelewengan jantina agar anak terarah menjadi baik dan tidak merasa bersendirian atau kesunyian (Abdullah Nasih Ulwan, 1985; Syaikh Jamal Abdurrahman, 2010; Adnan Bahares, 2010 & Muhammad Nur Abdul Hafiz, 2015).

Jadual 4.1: Sosialisasi Pendidikan Gender

No	Pendidikan Gender	Lelaki	Perempuan
1	Menamakan anak dengan maksud nama yang terbaik dan bersesuaian dengan jantina		
2	Menunaikan fitrah anak yang baru lahir iaitu berkhitam pada hari ketujuh	✓	✓

3	Memberi maklumat dan penjelasan tentang jantina atau alat kelamin dengan bahasa yang betul tetapi tidak secara terperinci	√	√
4	Dipisahkan tempat tidur mereka pada umur tujuh hingga sepuluh tahun	√	√
5	Pastikan jumlah mereka lebih dari dua orang sekiranya terpaksa diletakkan sebilik bagi sesama jantina	√	√
6	Memakaikan pakaian anak secara kemas, tidak ketat dan menutup aurat dengan sempurna ketika berada di luar rumah sejak dari usia <i>mumayiz</i>	√	√
7	Dididik tidak berseronok dengan alat kelamin sendiri	√	√
8	Memerhatikan keadaan anak di dalam dan di luar rumah dengan mengawasi pembentukan akidah, akhlak, sosial dan juga perkembangan fizikal dan intelektual	√	√
9	Mengawasi anak supaya tidak membaca dan menonton bahan-bahan terlarang	√	√
10	Membantu anak-anak memilih teman atau kawan yang baik dan soleh	√	√
11	Mengajar anak-anak melakukan aktiviti atau riadah seperti berenang, memanah dan menunggang kuda untuk menguatkan fizikal dan mental	√	√
12	Mendidik anak dengan membina jati diri anak agar lebih yakin dengan jantina asal.	√	√
13	Mendidik anak dengan sifat kejantanan dan kekuatan seperti melatih anak beraktiviti olahraga atau bersukan	√	
14	Diajar berpenampilan, bertingkahlaku, berpakaian dan percakapan tidak seperti jantina berlawanan	√	
15	Di ajar tidak memakai emas dan sutera di badan	√	√
16	Di ajar perihal keperempuanan seperti haid, nifas dan kehamilan	√	
17	Di ajar kemahiran-kemahiran seperti memasak, menjahit, mengemas rumah dan menjaga anak kecil.		√
18	Menanamkan jiwa kelelakian		√
19	Menanamkan jiwa keperempuanan	√	
20	Menanamkan nilai-nilai dan keperibadian Islam		√

ii. *Pendidikan Gender Anak Lelaki*

Cara mendidik anak lelaki dan perempuan adalah berbeza kerana fisiologi, personaliti, kecenderungan dan sifat mereka yang berbeza. Walau bagaimanapun, Rasulullah SAW menyarankan ibu bapa mengajar anak-anak tidak kira lelaki atau perempuan melakukan aktiviti atau riadah

seperti berenang, memanah dan menunggang kuda untuk menguatkan fizikal dan mental. Sebagaimana sabda baginda:

كُلُّ شَيْءٍ لَيْسَ مِنْ ذَكْرِ اللَّهِ فَهُوَ لَهُ وَسْهُوُ إِلَّا أَرْبَعَ خِصَالٍ: مَشْيُ الرَّجُلِ بَيْنَ الْغَرَضَيْنِ
وَتَأْدِيهُ فَرَسَهُ وَمُلَاعِبَتُهُ أَهْلَهُ وَتَعْلُمُ السِّبَاحَةِ

Ertinya: “Setiap sesuatu yang bukan zikir kepada Allah adalah perkara yang melekakan, melainkan empat perkara: berjalan untuk tujuan memanah, menunggang kuda, memadu kasih bersama-sama isteri dan mengajar anak-anak berenang.”

HR al-Nasā’ī dalam al-Sunan al-Kubrā (8940) dan al-Tabrānī dalam al-Mu’jam al-Awsat (8: 118).

Hadis ini telah dinilai sebagai sahih oleh Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī dan al-Albānī. Anak lelaki seharusnya dididik dengan sifat kejantanan dan kekuatan dengan melatih anak aktiviti bersukan dan olahraga. Sekiranya anak lelaki didapati mempunyai tanda-tanda awal penyelewengan jantina, maka wajib ibu bapa mendidik anak dengan sifat kelelakian dan membina jati diri anak agar lebih yakin dengan jantina asal. Anak lelaki perlu dilazimkan dengan makanan, pakaian, aktiviti dan sifat yang melambangkan jati diri lelaki. Biasakan dengan riadah yang dapat membina kekuatan dan lasak serta diajarkan ilmu yang patut diketahui oleh seorang lelaki seperti ilmu pertukangan, perkebunan dan melatih anak untuk menjadi ketua keluarga dan pemimpin masyarakat (Abdullah Nasih Ulwan, 1985; Muhammad Nur Abdul Hafiz, 2015 & Adnan Bahares, 2010).

Setelah anak meningkat umurnya, mereka perlu diajar adab penampilan seperti rambut anak lelaki tidak menyamai rambut anak perempuan dan sebaliknya. Gaya berjalan, percakapan dan bertingkah laku tidak boleh seperti jantina berlawanan. Begitu juga dengan adab berpakaian iaitu menjaga aurat di dalam dan di luar rumah. Anak perempuan dan lelaki tidak boleh berpakaian ketat dan perlu menjaga batas-batas aurat serta tidak boleh berpakaian seperti jantina berlawanan. Malah anak lelaki tidak boleh memakai emas dan sutera di badan (Abdullah Nasih Ulwan, 1985; Syaikh Jamal Abdurrahman, 2010 & Adnan Bahares, 2010). Rasulullah SAW telah bersabda:

حُرِّمَ لِبَاسُ الْحَرِيرِ وَالْذَّهَبِ عَلَى ذِكْرِ أُمَّقِي وَأَحَلَّ لِإِنَاثِهِمْ

Ertinya: “*Kaum lelaki dari umatku diharamkan mengenakan sutera dan emas, dan kaum wanitanya dihalalkan (mengenakan keduanya).*”

HR al-Tirmidhī (1720) dan al-Nasā’ī (5138). Hadith ini dinilai sebagai *hasan ṣaḥīḥ* oleh al-Tirmidhī. Hadis turut dinilai sebagai sahih oleh al-Albānī dan al-Arnāūt.

Menyingkap pendidikan Nabawi, Hasan membesar menjadi seorang lelaki yang berperibadi mulia dan terpuji, berani dan bijaksana, suka berbuat kebaikan serta memiliki jiwa pembimbing, pendidik dan pembawa pembaharuan. Sifat Hasan tidak suka kepada perperangan, menjadi ketua yang bijaksana, takwa, dermawan, berani, menjaga kehormatan diri, berkeperibadian luhur dan menjadi contoh kepada pemuda lain. Husain pula seorang yang mulia, mujahid, berkeperibadian Islamik, memiliki akal yang cerdas, jiwa yang suci, membenarkan segala janji dan dakwah yang disampaikan oleh Rasulullah SAW. Husain merupakan pendakwah, pahlawan, berani, membawa pembaharuan, alim, syahid, tidak mencintai dunia dan hanya mengejar pahala daripada Allah SWT serta menjadi teladan kepada para pemuda lain. (Syeikh Khalid, 2014).

Menurut Adnan Bahares (2010) anak lelaki yang berwajah lembut, berkulit cerah, mempunyai tubuh badan menawan, suka berpakaian cantik, berwangi-wangian, suka kepada kemewahan dan keseronokan biasanya cenderung melakukan penyelewengan jantina dan seksual. Ibu bapa seharusnya peka dengan keadaan dan perubahan yang berlaku kepada anak. Sekiranya anak mempunyai tanda-tanda berikut, maka wajiblah ibu bapa mengambil tindakan tegas dengan melakukan rawatan tertentu dan membimbing mereka ke jalan yang direhdai Allah SWT. Islam dengan tegas melarang sifat *tasyabuh*, iaitu perbuatan yang menyerupai lawan jenis dalam semua bentuk terhadap fitrah yang telah digariskan Allah SWT kepada manusia sabda Rasulullah SAW:

لَعْنَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُخَتَّفِينَ مِنَ الرِّجَالِ ● وَالْمُتَرْجِلَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَفِي
رِوَايَةِ لَعْنَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُتَشَبِّهِينَ مِنَ الرِّجَالِ بِالنِّسَاءِ ●
وَالْمُتَشَبِّهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ بِالرِّجَالِ

Ertinya: “Rasulullah SAW melaknati lelaki yang berlagak perempuan dan perempuan yang belagak lelaki. Dari riwayat yang lain Rasulullah SAW melaknati lelaki yang meniru perempuan dan perempuan yang meniru lelaki.”

HR *al-Bukhārī* (5885 dan 5886).

Kesimpulannya, pendidikan gender anak lelaki dalam mengenali jantina adalah aspek penting dalam pembangunan mereka. Ibu bapa yang memberikan pendidikan seksual seimbang dan sesuai dengan peringkat perkembangan anak, berkomunikasi secara terbuka dapat membantu anak lelaki memahami perbezaan jantina dan membangun kesedaran mengenai tubuh mereka sendiri dan tubuh perempuan. Maka peranan keluarga dalam pembentukan pandangan anak lelaki tentang jantina adalah penting. Ibu bapa perlu menjadi model yang baik dalam hubungan mereka dan memupuk sikap hormat dan kepercayaan dalam keluarga. Pendidikan gender yang berlandaskan Islam dapat membantu membina nilai yang kukuh dalam pemahaman anak lelaki tentang peran dan tanggungjawab mereka.

iii. Pendidikan Gender Anak Perempuan

Anak perempuan memerlukan lebih perhatian, kasih sayang, penjagaan dan bimbingan berbanding anak lelaki. Ini kerana mereka agak lemah, mudah ditindas dan beremosi. Maka hak-hak mereka perlu dipelihara dan ditunaikan dengan memberi perhatian dan melindungi mereka sejak kecil hingga meningkat dewasa. Islam memuliakan, menghormati, menolong dan melindungi perempuan dengan mendidik mereka dengan pendidikan yang baik. Sejak dari kecil, anak perempuan perlu dididik supaya menutup aurat dengan sempurna, bersopan santun, lemah lembut tetapi mempunyai semangat yang kuat. Anak perempuan wajib tidak mendedahkan aurat kepada yang bukan mahram.

Selain itu, mereka diajarkan tentang perihal keperempuanan seperti haid, nifas, kehamilan dan juga kemahiran tertentu seperti memasak, menjahit, mengemas rumah dan menjaga anak kecil. Apabila dewasa dan bertemu jodoh dengan pasangan yang beragama, maka kahwinkan mereka agar terpelihara daripada fitnah. Ibu bapa yang mendidik dan memelihara hak-hak anak perempuan akan mendapat ganjaran pahala sekiranya dilakukan dengan penuh kesabaran dan ketekunan (Abdullah Nasih Ulwan, 1985; Syaikh Jamal Abdurrahman, 2010 & Muhammad Nur Abdul Hafiz, 2015). Sebagaimana sabda Rasulullah SAW.

مَنْ عَالَ جَارِيَتِينِ حَتَّىٰ تَبْلُغَا ● جَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَنَا وَهُوَ وَضَمَّ أَصَابِعَهُ.

Ertinya: *Nabi SAW bersabda, “Barang siapa memelihara dengan baik dua orang anak perempuan sampai mencapai usia baligh, pada hari kiamat aku dan dia seperti ini.” Baginda lalu mengatupkan jari jemari baginda.”*
HR Muslim (2631).

Menurut Syeikh Khalid (2014), Rasulullah SAW menekankan kepentingan penjagaan anak perempuan dengan memberi perhatian kepada puteri baginda seperti Zainab, Ruqayyah, Ummi Kalthum dan Fatimah. Puteri Rasulullah SAW sentiasa menemani baginda dan juga bonda mereka Khadijah bt Khuwailid semasa menghadapi ujian yang penuh dengan kesusahan dan kesulitan. Mereka menghadapi semua itu dengan kesabaran, keimanan, keteguhan, ketenangan, tanpa rasa lemah dan gelisah serta tidak mudah menyerah kalah. Puteri Rasulullah SAW menjadi muslimah yang unggul hasil didikan Nabawi yang telah diterapkan.

Sebagai contoh Ruqayyah berhijrah bersama suaminya Uthman bin Affan ke Habsyah, sedangkan Zainab berhijrah ke kota Madinah meninggalkan rumah dan suaminya yang musyrik. Umi Kalthum pula mengikuti dan membela Rasulullah SAW. memerangi kaum musyrik di Mekah. Manakala Fatimah mengabdikan diri beribadah kepada Allah SWT dengan meninggalkan kesenangan dunia dan menjadi wanita yang suci dan terhormat. Sesungguhnya Rasulullah SAW telah mendidik ketiga-tiga puterinya dengan penuh kasih sayang agar mereka menjadi contoh dan tauladan kepada semua kaum wanita dan umat manusia.

Kesimpulannya, pendidikan mengenali gender bagi anak perempuan memegang peranan yang penting dalam membentuk individu yang menyedari dan menghargai identiti mereka sendiri. Dengan menyediakan pengetahuan mengenai tubuh, hubungan, dan hak-hak mereka, pendidikan ini memberikan asas yang kukuh untuk perkembangan kesedaran diri, menjaga kehormatan diri dan membantu mereka berperanan dalam keluarga, masyarakat dan agama secara efektif. Dengan memahami dan menghormati hak-hak mereka, anak perempuan dapat melangkah ke hadapan dengan keyakinan untuk mencapai potensi penuh mereka dan memberi sumbangan kepada masyarakat dengan nilai-nilai patuh syariah.

5. Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan ini, dapat disimpulkan bahawa gender merupakan konsep yang merujuk pada suatu sistem peranan, ciri dan hubungannya antara lelaki dan perempuan yang ditentukan oleh pendidikan dalam persekitaran sosial dan bukannya ditentukan oleh

perbezaan biologi. Secara asasnya, kajian ini memberikan pemahaman mendalam dan penekanan kepada keluarga mengenai pendidikan gender anak lelaki dan perempuan berdasarkan syariat Islam. Pendidikan gender antara anak lelaki dan perempuan adalah berbeza, justeru itu pendekatan dalam mengenali jantina lelaki atau perempuan adalah berbeza berdasarkan fitrah semula jadi anak-anak.

Pendidikan dan pendekatan gender yang berkesan semasa peringkat awal usia kanak-kanak mampu mengurangkan risiko anak-anak terjebak dengan penyelewengan atau kecelaruan jantina dewasa kelak. Sebagai penutup, adalah dicadangkan agar kajian terhadap pendidikan gender ini diteruskan dengan membentuk dasar pendidikan gender secara inklusif dalam menangani isu kecelaruan gender dan sekaligus memberi peluang, ruang dan hak yang setara kepada semua kanak-kanak dalam mendapatkan pendidikan gender.

Rujukan

- Abdurrahman, S. J. (2010). Islamic parenting pendidikan anak metode nabi. *Solo: Aqwam, 1431*.
- American Psychological Association. (2012). *Guidelines for psychological practice with lesbian, gay, and bisexual clients. The American Psychologist, 67(1)*, 10-42.
- Bahares, A. (2010). *Tarbiah al-jinsiyah*. Retrieved from Al-Tarbiah al-Islamiyah: <http://www.bahareth.org/index.php>
- Castelli, E., & Rodman, R. (Eds.). (2001). *Women, gender, religion: A reader*. Springer.
- Dermawan, A. (2018). Bilangan gay transgender semakin meningkat. *Berita Harian Online, 19*.
- Hafizh Suwaid, M. N. (2010). Prophetic Parenting Cara Nabi Mendidik Anak. *Yogyakarta: Pro-U Media*.
- Ismail, M. A. M., Yahaya, M. H., Jamal, I. H., & Wakil, M. N. A. (2020). Isu LGBT Di Malaysia: Satu Tinjauan Terhadap Aspek Kajian: LGBT Issues In Malaysia: A Review Of Research Aspects. *INSLA E-Proceedings, 3(1)*, 459-470.
- John, N. A., Stoebenau, K., Ritter, S., Edmeades, J., Balvin, N., & Unicef. (2017). Gender socialization during adolescence in low-and middle-income countries: Conceptualization, influences and outcomes.
- Karim, A. A. & Khatab, M. A. (2010). *Al-tarbiah al-jinsiyah lil atfal wal murahagin*. Oman: Dar al-Saqafah.
- Muliati, S. (2005). Upaya Mengintegrasikan Perspektif Gender. *Jakarta: Gramedia*.
- Mulia, S. M., & Anwar, M. (2001). Keadilan dan kesetaraan jender (Perspektif Islam). *Tim Pemberdayaan perempuan bidang agama Departemen agama RI*.
- Nugroho, R. N. (2008). *Gender dan strategi pengarus-utamaannya di Indonesia*. Pustaka Pelajar.
- Othman, I. W., Mohd Shah, M. K., Yusoff, M. S., Abu Bakar, A. L., Zulhaimi, N. A., & Abang Muis, A. M. R. (2021). Merungkai kecelaruan identiti gender: antara kebebasan hak asasi individu dan dilema kepimpinan generasi muda. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development, 6(38)*, 60-81.
- Pustaka, D. B. D. (2005). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Rahman, M. M. (2015). Pendidikan Keluarga Berbasis Gender. *Jurnal Musawa IAIN Palu*, 7(2), 234-255.
- Ryle, R. (2011). *Questioning gender: A sociological exploration*. Sage Publications.
- Syarif, J. (2012). Sosialisasi nilai-nilai kultural dalam keluarga studi perbandingan sosial-budaya bangsa-bangsa. *Sabda: Jurnal Kajian Kebudayaan*, 7(1).
- Syiekh Khalid, A. R. (2014). Kitab Fiqh Mendidik Anak Berdasarkan al-Quran dan Sunnah. al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd, Selangor, Malaysia.
- Ulwan, A. N. (1985). *Tarbiat al-awlad fi al-Islam* (Vol. 2). Kaherah: Dar al-Salam.
- Umar, N. (1999). *Argumen kesetaraan jender: perspektif al Qur'ân*. Paramadina.